

Bas hilang kawalan

Harian Metro
6/2/2011 MS 10.

Pelancong Korea cedera



HULUR PERTOLONGAN... orang ramai membantu penumpang yang cedera untuk menerima rawatan.

>>Laporan dan foto **JUNAIDI LADJANA**

djuns@hmetro.com.my

TAMPARULI: Kegembiraan 12 pelancong warga Korea selepas berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu terencat apabila dua daripada mereka patah kaki selepas bas pesiaran dinaiki terbabas lalu merempuh lereng bukit di Kilometer 9.5 Ranau-Tamparuli, di sini, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 6 petang, mereka dikatakan dalam perjalanan pulang ke hotel di Kota Kinabalu selepas turun dari gunung tertinggi di Asia Tenggara itu dengan menaiki sebuah bas bersama dua pemandu dan pemandu pelancong warga tempatan.

Kedua-dua pelancong terbabit yang masing-masing berusia 30 dan 40 tahun patah kaki akibat terhantuk pada kerusi bas, manakala yang lain cedera ringan selepas bas yang dalam perjalanan dari Taman Kinabalu

di Kundasang dekat Ranau itu terbabas sebelum melanggar tebing bukit di kiri jalan.

Difahamkan, bas yang bertolak dari bandar raya jam 7 pagi itu terbabas selepas breknya tidak berfungsi ketika menuruni bukit di lokasi kejadian.

Pemandu pelancong, Jas Lezra, 27, berkata dia terkejut apabila menyedari bas dinaikinya seolah-olah terbang dan terhentak dengan kuat.

"Ketika itu saya duduk di depan bersama seorang rakan saya yang juga pemandu pelancong dari Korea. Kami hanya mampu menjerit dan memeluk kerusi, manakala yang lain menjerit meminta tolong.

"Beberapa saat kemudian, bas itu berhenti dan saya melihat rakan saya tersadai di tempat pemandu. Ketika itu saya tidak mampu bergerak kerana tangan kiri saya cedera," katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Jas berkata, ketika kejadian, bas dinaikinya tiba-tiba

hilang kawalan lalu melanggar tebing bukit, namun mereka bernaib baik kerana tidak bertembung dengan kenderaan lain yang datang dari arah bertentangan.

"Kami bersyukur kerana kemalangan ini tidak menyebabkan kematian," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Tuaran, Deputy Superintendan Suhaimi Wiro berkata, siasatan awal polis mendapati, bas pesiaran yang membawa 15 penumpang termasuk dua pemandu itu dipercayai hilang kawalan lalu melanggar tebing bukit.

"Akibatnya, dua penumpang cedera parah manakala yang lain cedera ringan. Dua yang cedera itu kini dirawat di Pusat Perubatan Sabah (SMC) manakala yang lain menerima rawatan pesakit luar di Hospital Tuaran," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata, setakat ini polis belum mengambil keterangan daripada pemandu bas terbabit kerana masih dirawat di hospital.